



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Pejabat Menteri Besar Johor bagi jawatan berikut:-

- |                        |   |   |
|------------------------|---|---|
| <b>1. Jawatan</b>      | : | PERSONEL MYSTEP   |
| <b>Tempoh Kontrak</b>  | : | Tarikh mula sehingga Jun 2023   |
| <b>Kadar Upah</b>      | : | RM 1,600.00 sebulan   |
| <b>Waktu Bekerja</b>   | : | Sembilan jam sehari termasuk waktu rehat dengan ditetapkan waktu masuk dan waktu balik oleh Ketua Jabatan |
| <b>Syarat Lantikan</b> | : |   |

**i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:**

- Warganegara Malaysia;
- Berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ;
- Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer (Microsoft Office & Excel), mahir berkomunikasi dan berketerampilan.

**(ii) Deskripsi Tugas :**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi tugas-tugas pentadbiran am, perkhidmatan kaunter, pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat.

#### 4. Cara Membuat Permohonan:-

- (a) Permohonan hendaklah dengan menggunakan **Borang MBJ.01** yang boleh diperolehi daripada pejabat ini dengan cara datang sendiri pada waktu pejabat atau dimuat turun daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri Johor di <https://www.johor.gov.my/>
- (b) Borang yang telah lengkap diisi dengan jelas dan terang hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini dan salinan diakui sah dokumen-dokumen berikut:
  - (i) Sijil Kelahiran
  - (ii) Kad Pengenalan
  - (iii) Sijil Berhenti sekolah terkini/Sijil Persekolahan
  - (iv) Sijil kelulusan persekolahan SPM atau setaraf
  - (v) Lain-lain sijil/surat akuan berkaitan
- (c) Borang permohonan yang lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :

**PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR,  
ARAS 4, BANGUNAN DATO JAAFAR MUHAMMAD,  
KOTA ISKANDAR,  
79502 ISKANDAR PUTERI,  
JOHOR BAHRU.**

5. Tarikh Tutup Permohonan : 30 Ogos 2022 (Selasa)

#### 6. Catatan:

- (a) Hanya calon-calon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil temuduga
- (b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**
- (c) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

Pejabat Menteri Besar Johor,  
Aras 4, Bangunan Dato Jaafar Muhammad,  
Kota Iskandar,  
**79502 ISKANDAR PUTERI,  
JOHOR BAHRU.**

No. Tel. Pejabat : 07-266 6355 / 42

Tarikh : 17 Ogos 2022